


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 27 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, 12 HINGGA 34)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 11
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO: 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1352

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam mengawal kemasukan pekerja asing KLIA yang memungkinan isu keselamatan negara terganggu.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 27.11.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan adalah komited dalam usaha memastikan keselamatan negara tidak terganggu dengan kemasukan pekerja asing di lapangan-lapangan terbang utama negara terutamanya KLIA. Salah satu usaha yang telah diambil adalah membekukan kebenaran penggajian pekerja asing di KLIA dan lapangan-lapangan terbang utama yang lain sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan pada 8 Januari 2008. Ini memandangkan wujud kemungkinan ancaman anasir-anasir luar yang mungkin menggunakan status sebagai pekerja asing yang sah untuk melakukan sabotaj terhadap negara ini. Pada masa sekarang, pihak pengurusan Malaysian Airlines System (MAS) sedang giat berusaha untuk menggantikan 829 orang pekerja asing mereka yang sedia ada di KLIA dengan pekerja tempatan. Proses penggantian ini perlu dilaksanakan secara beransur-ansur bagi memastikan kelancaran operasi di lapangan terbang tidak terganggu atas faktor kekurangan pekerja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN (AMPANG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **27.11.2008**

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia membenarkan semula jualan singkat (*short selling*) dalam Bursa Malaysia. Jika tidak, mengapa peraturan ini mesti dikekalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti jualan singkat terkawal (*regulated short selling*) mula diperkenalkan pada September 1996. Pada Ogos 1997, aktiviti jualan singkat terkawal telah digantung oleh Kerajaan sebagai salah satu langkah untuk melindungi pasaran modal daripada kesan buruk akibat krisis ekonomi.

2. Berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen 98 (4) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (*Capital Markets and Services Act 2007 (CMSA)*), aktiviti jualan singkat terkawal di Bursa

Malaysia telah dibenarkan semula pada 3 Januari 2007 tertakluk kepada syarat serta kawalan seperti berikut:

- i. menerima kelulusan Bursa Malaysia;
- ii. sekuriti yang mempunyai modal pasaran (*market capitalisation*) harian berjumlah RM500 juta;
- iii. sekuriti tersebut mempunyai sekurang-kurangnya 50 juta unit apungan awam (*public float*); dan
- iv. purata jumlah dagangan bulanan sekuriti adalah sekurang-kurangnya 1 juta unit.

3. Sekuriti-sekuriti yang memenuhi syarat ini adalah tertakluk kepada rangka kerja pengawalseliaan bagi aktiviti jualan singkat terkawal iaitu pengenalan "*uptick rule*" di mana jualan singkat terkawal hanya boleh dilakukan pada harga yang lebih tinggi dari harga pasaran terkini dan aktiviti jualan singkat terkawal adalah dihadkan kepada 10% modal berbayar (*paid up capital*).

4. Di samping itu, bagi mempertingkatkan lagi pengawalseliaan terhadap aktiviti ini, langkah lain yang akan diperkenalkan ialah had harian jualan singkat terkawal adalah ditetapkan pada 3% modal berbayar dengan had keseluruhan jualan singkat terkawal ditetapkan pada 10% modal berbayar.

NO: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARPADA : Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]

TARIKH : 27 November 2008 (Khamis)

SOALAN : 13

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi pihak Kementerian untuk menambah baik infrastruktur sektor penerbangan terutamanya di Lahad Datu, memandangkan pelancongan dikenal pasti sebagai satu daripada pemacu utama sektor perkhidmatan dan dijangka menyokong wawasan untuk menjadikan Sabah sebagai satu daripada tempat paling sesuai untuk didiami di Asia menjelang 2025.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memahami tentang kepentingan infrastruktur yang baik khususnya kemudahan lapangan terbang sebagai langkah yang strategik untuk menarik pelancong ke Lahad Datu. Dalam hubungan ini, Kementerian telah pun merancang untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan lapangan terbang di Lahad Datu dengan meletakkan cadangan pembinaan lapangan terbang yang baru di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) kelak.

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
TARIKH : 27 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan pelaksanaan pembangunan koridor sejak dilancarkan di setiap koridor berkenaan dan apakah langkah Kerajaan untuk meneruskan Rancangan BIMP-EAGA yang melibatkan beberapa buah negara di Asia Tenggara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan beberapa program dan projek koridor pertumbuhan telah pun bermula dan pada masa ini di pelbagai peringkat pelaksanaan. Secara keseluruhan, sebanyak **75 projek atau 35%** daripada keseluruhan 215 projek yang disenarai di bawah semua koridor pertumbuhan telah mula dilaksanakan. Dari segi **pelaburan** pula, sehingga kini, nilai pelaburan swasta tempatan dan asing yang telah diperolehi melalui perjanjian kontrak bagi seluruh koridor adalah berjumlah **RM101 bilion**. Sebahagian besar sumber pelaburan asing

diperolehi daripada negara-negara Asia Barat, Eropah, Amerika Syarikat dan Asia.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi inisiatif BIMP-EAGA (Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area) pula, kewujudan inisiatif kerjasama yang dijalin antara negara anggota BIMP-EAGA ini telah menunjukkan hasil yang positif. Ianya juga turut menjadi pendokong penting kepada pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), terutamanya dalam menyediakan asas dan rangkaian perdagangan dan pasaran secara lebih pesat dan meluas. Sehingga tahun 2007, nilai perdagangan import-eksport antara negara anggota BIMP-EAGA adalah sebanyak **RM59.4 bilion**. Memandangkan kepada pelbagai faedah yang diperolehi negara hasil daripada inisiatif ini maka Kerajaan akan meneruskan rancangan BIMP-EAGA tersebut. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan meneruskan pelbagai aktiviti dalam beberapa sektor utama seperti pengangkutan, pelancongan, perdagangan dan infrastruktur yang sedang dan akan dilaksanakan bagi membuka ruang kepada jaringan kerjasama ekonomi dan sosial yang lebih baik di antara negara terlibat dalam BIMP-EAGA.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ
(LUBOK ANTU)

TARIKH : 27 November 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kenapa 4 buah rumah panjang iaitu Rh. Leping, Sayat; Rh. Moris, Soh; Rh. Sabit, Seremat dan Rh. Nawin, Kelampu tidak termasuk dalam projek BELB sedangkan jarak hanya ½ km hingga 5 km daripada projek yang sekarang berjalan dari Kg. Numpang.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai keutamaan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar bandar (BELB) sambungan talian grid di negeri Sarawak diputuskan oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak selepas mengambil kira pandangan teknikal dari Syarikat SESCO Berhad. Sekiranya keupayaan bekalan talian utama SESCO di satu-satu kawasan telah mencapai tahap maksima, maka Kementerian tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek untuk mengelakkan masalah susutan beban bekalan kelak.

Khusus bagi pelaksanaan projek BELB di 4 buah rumah panjang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kementerian akan menyenaraikannya untuk pelaksanaan projek BELB tahun 2009 sekiranya memenuhi skop pelaksanaan projek.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' NGEH KOO HAM**
(BERUAS)
TARIKH : **27.11.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina [SRJK(C)] yang telah ditutup di negeri Perak dan dipindahkan ke negeri lain dan kenapakah sekolah-sekolah SRJK(C) baru ini tidak boleh dibina dengan menggunakan nama baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 9 buah SJKC yang dibenarkan berpindah ke tempat baru sejak tahun 1999 sehingga kini, di negeri Perak. Dari bilangan tersebut, hanya dua buah sekolah sahaja yang telah berpindah keluar dari negeri Perak iaitu SJKC Ladang Harcroft dari Bruas, Perak ke Puchong, Selangor dan SJKC Chung Hua, Ladang Serapoh, Parit ke bangunan asal SJKC Damansara, Petaling Jaya, Selangor. Oleh sebab sekolah ini ditutup di tempat lama dan berpindah ke tapak baru, nama sekolah ini perlu dikekalkan.

SOALAN NO: 17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1350

SOALAN :

Datuk Md. Sirat Bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes bunuh diri dan yang melibatkan ahli keluarga sepanjang tahun 2006, 2007 dan 2008. Apakah sebab-sebab utama pembunuhan tersebut yang dapat dikenal pasti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kes bunuh diri yang dilaporkan di seluruh negara pada tahun 2006 adalah sebanyak 353 kes. Pada tahun 2007, jumlah kes yang dilaporkan didapati meningkat iaitu sebanyak 24 kes atau 7% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 377 kes. Bagi tempoh bulan Januari hingga Julai tahun 2008, jumlah kes bunuh diri yang dilaporkan di seluruh negara adalah sebanyak 181 kes. Manakala, bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Julai tahun 2008, negeri Perak mencatatkan jumlah kes bunuh diri yang tertinggi iaitu sebanyak 232 kes, diikuti oleh negeri Johor sebanyak 172 kes dan negeri Selangor, sebanyak 127 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kes bunuh diri yang melibatkan ahli keluarga, sebanyak 6 kes iaitu 1 kes dilaporkan pada tahun 2006, 3 kes dilaporkan pada tahun 2007 dan 2 kes dilaporkan bagi tempoh bulan Januari hingga Julai tahun 2008. Jumlah ini melibatkan 2 kes di negeri Perlis, 2 kes di Pulau Pinang dan 2 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di antara sebab-sebab utama yang dikenalpasti sehingga berlakunya kejadian bunuh diri antaranya ialah kerana masalah tekanan perasaan, rumah tangga, putus cinta, hutang, menghidap penyakit kronik dan gangguan mental.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN
MD. TAIB
TARIKH : 27 NOVEMBER 2008
SOALAN : 18

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah 'Wacana Ilmu' seperti Debat Perdana atau Seminar Intelektual semakin kurang diadakan di universiti di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran Wacana Ilmu atau seminar intelektual di IPT negara ini tidaklah semakin berkurangan seperti yang didakwa. Setiap tahun, semua IPT di dalam negara menganjurkan program ilmiah. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan program tersebut, di IPTA terdapat Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) yang dianggotai oleh semua Timbalan-Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal pelajar (IPTA).

Manakala, IPTS pula telah menubuhkan Sekretariat Hal Ehwal Pelajar IPTS yang mempunyai beberapa Jawatankuasa kecil termasuk Jawatankuasa Debat. Melalui majlis/sekretariat tersebut pelbagai wacana ilmu dianjurkan bagi memenuhi keperluan pelajar. Selain daripada program anjuran IPT sepenuhnya, Kementerian Pengajian Tinggi juga turut menganjurkan beberapa program anjuran bersama agensi-agensi lain. Antaranya; Debat DiRaja, Debat Alam Sekitar, Debat Perpaduan, Pidato Bahasa Melayu Antarabangsa dan Debat/Pidato Bulan Kemerdekaan.

NW: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 19 : PR-1213-L14769
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MOHAMED BIN
HAJI AZIZ (SRI GADING)

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008
SOALAN : YB Datuk Haji Mohamed bin Haji
Aziz (Sri Gading) minta **MENTERI
LUAR NEGERI** menyatakan apakah
langkah-langkah dan usaha Kerajaan
untuk mengambil balik Pulau batu
Puteh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih untuk soalan yang dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh YB Sri Gading untuk dijawab pada 27 November 2008 dan YB Kubang Kerian untuk dijawab pada 2 Disember memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama.

2. Mengenai prosedur semakan semula (*Revision*), sememangnya ia telah diperuntukkan dalam statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sekiranya bukti baru yang penting dapat ditemui dalam tempoh 10 tahun selepas penghakiman ICJ.

3. Dalam hal ini, surat meminta kebenaran daripada Governor British kepada Sultan dan Temenggung Johor sebelum pembinaan Rumah Api Horsburgh di atas Batu Puteh masih gagal ditemui dan kita sememangnya tidak akan berputus asa dalam pencarian surat ini. Sehingga ke hari ini, segala usaha telah dilakukan untuk mengesan surat tersebut tapi menemui kegagalan. Yang berjaya ditemui hanyalah surat jawapan daripada Sultan dan Temenggung bertarikh 25 November 1844 yang tidak secara khusus merujuk kepada Batu Puteh. Sehubungan dengan itu, ICJ tidak dapat merumuskan dalam penghakimannya berhubung peristiwa yang berlaku pada tahun 1844 tersebut sama ada ianya merupakan satu serahan (*cession*) atau kebenaran (*consent*) daripada pemerintah Johor pada ketika itu dan majoriti para hakim ICJ membuat andaian bahawa surat yang tidak dapat dikesan itu tidak merujuk secara khusus kepada Batu Puteh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.11.2008

Dato' Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah syarikat GLC yang telah rugi pada tahun 2007 dan bolehkah disenaraikan 10 syarikat berkenaan mengikut turutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan penyata kewangan telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 2007, daripada 18 buah syarikat GLC yang terlibat di bawah Program Transformasi GLC, hanya dua syarikat GLC telah mencatatkan kerugian iaitu:

Syarikat GLC	Jumlah Kerugian (RM juta)
PROTON Holdings Berhad (PROTON)	589.5
Pos Malaysia Berhad	33.7

2. Bagaimanapun, prestasi kedua-dua syarikat GLC tersebut telah meningkat pada tahun 2008 dengan syarikat kembali mencatatkan keuntungan. PROTON telah mencatat keuntungan berjumlah RM184.6 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 manakala Pos Malaysia Berhad telah mencatat keuntungan terkumpul sebanyak RM51.6 juta bagi setengah tahun pertama tahun kewangan 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD)

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008

SOALAN : Minta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-

statistik peningkatan bilangan pelancong yang datang ke negeri Sabah sejak bermulanya operasi penerbangan syarikat tambang murah AirAsia bagi sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Operasi penerbangan syarikat tambang murah AirAsia bagi sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu bermula pada 8 Disember 2001. Manakala bilangan pelancong asing yang

telah direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang datang ke Sabah melalui pengangkutan darat, air dan udara adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Ketibaan Pelancong asing ke Sabah	% Pertumbuhan
2002	143,786	-
2003	91,187	-36.58
2004	282,539	209.85
2005	257,642	-8.81
2006	251,875	-2.24
2007	309,718	22.96
2008 (Jan-Ogos)	404,044	-

Bagi pengangkutan udara, ianya meliputi pelbagai syarikat penerbangan tempatan dan asing yang menawarkan perkhimatan ke Sabah. Ini merangkumi Malaysia Airlines, AirAsia, Royal Brunei, Aseana Airlines, Korean Airlines, Dragon Air, Silk Air dan Cebu Pacific Air.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
TARIKH : 27 NOVEMBER 2008
SOALAN : 22

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah sebenar pelajar yang dihadapkan di mahkamah berkaitan dengan kes pinjaman PTPTN mengikut kaum semenjak 1988-2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan saman/membawa peminjam ke mahkamah merupakan langkah terakhir yang perlu diambil oleh PTPTN ke atas peminjam yang dikategorikan sebagai peminjam tegar. Sehingga Oktober 2008 sebanyak **18,532** kes telah dibawa ke mahkamah untuk tindakan saman terhadap peminjam tegar. Pecahan mengikut kaum adalah sebanyak 15,457 kes atau (83.41%) terdiri daripada kaum Melayu, 1,433 kes atau (7.73%) kaum Cina, manakala sebanyak 991 kes atau (5.35%) adalah daripada kaum India dan selebihnya iaitu sebanyak 651 kes atau (3.51%) adalah terdiri daripada lain-lain kaum.

SULIT

LAMPIRAN T

SOALAN 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

strategi yang terkini bagi mempertingkatkan pembangunan industri pelancongan di negeri Sarawak.

SULIT

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Pelancongan merupakan satu sektor yang mempunyai potensi besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak. Oleh itu, strategi yang lebih mantap, relevan, bersepadu dan responsif terhadap perubahan semasa samada di peringkat domestik, serantau mahupun global sentiasa diberi perhatian bagi memastikan negeri Sarawak terus dapat bersaing di pasaran pelancongan.

Antara strategi yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan sewajarnya bagi membangunkan serta merencanakan lagi pembangunan pelancongan di Sarawak adalah:

1. menerokai dan mewujudkan lebih banyak produk ikon yang berkonsepkan budaya, kembara dan alam semulajadi selain daripada Taman Negara Mulu, Kampung Budaya dan *Rainforest Music Festival*;

SULIT

2. menyediakan dan mempertingkatkan lagi kualiti kemudahan dan infrastruktur pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong untuk ke Sarawak;
3. mempertingkatkan lagi kemudah-sampaian (accessibility) ke destinasi yang mempunyai daya tarikan/ produk pelancongan terutamanya di kawasan luar bandar;
4. membangunkan dan mempromosi bidang-bidang baru industri yang berimpak tinggi seperti MICE (*Meeting, Incentive, Conference & Exhibition*) dan Sarawak Malaysia *My Second Home* (MM2H);
5. memberi tumpuan kepada pembangunan *Homestay* untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sektor pelancongan;
6. memberi fokus kepada pasaran serantau, negara-negara jiran dan domestik (Malaysia) dalam program pemasaran dan promosi;
7. kerjasama strategi dengan syarikat-syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa untuk mengekal dan meningkatkan laluan penerbangan terutamanya di kawasan Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia – Philippines East Asean Growth Area (BIMP-EAGA);

SULIT

8. meningkatkan mutu dan layanan perkhidmatan barisan hadapan dalam industri pelancongan khususnya khidmat pemandu pelancong dan pengusaha pelancong melalui kempen-kempen seperti *Think and Act Tourism*;
9. mengadakan acara/ projek/ program/ aktiviti pelancongan yang berkonsepkan kepada *people-centric* iaitu memberi keutamaan kepada masyarakat tempatan; dan
10. mengutamakan pembangunan ekopelancongan bagi menonjolkan keunikan Malaysia kepada pelancong-pelancong khususnya pelancong-pelancong luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 22
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM
(BUKIT GANTANG)
TARIKH : 27.11.2008

SOALAN:

Tuan Roslan bin Shaharum (Bukit Gantang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik atau memansuhkan kitab terjemahan pimpinan Al Rahman yang diterbitkan oleh JAKIM dan digantikan dengan kitab terjemahan serta tafsiran Al-Quran Islam Hadhari.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak pernah bercadang Tafsir Pimpinan Ar-Rahman terbitan JAKIM ditarik balik, jauh sekali dimansuhkan penggunaanya malah ianya sentiasa dijadikan bahan rujukan masyarakat khususnya kepada penulis-penulis atau penerbit-penerbit buku yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan terjemahannya. Setakat ini kerajaan menggunakannya kerana Tafsir Pimpinan Ar-Rahman adalah sebuah Tafsir terjemahan yang menjadi rujukan dan khazanah yang amat berharga bagi negara ini, disamping versi penulisan bahasa malaysia yang diketengahkan amat tepat serta memenuhi aspirasi kandungan ayat-ayat suci Al-Quran itu sendiri.

Pada tahun ini melalui JAKIM ia telah menerbitkan pula versi terjemahan dalam bahasa Inggeris yang bertujuan meluaskan lagi penggunaannya di kalangan masyarakat. Terjemahan ke bahasa Manderin dan Tamil sedang giat dijalankan.

Sebagai kesinambungan kepada penggunaan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman ini juga kerajaan telah meluluskan penerbitan Tafsir Pedoman Muttaqin sebanyak 30 juzuk. Tafsir Pedoman Muttaqin ini adalah sebagai bahan yang lebih menjelaskan lagi segala pentafsiran yang terdapat dalam terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman itu sendiri.

NO = 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
TARIKH : 27 NOVEMBER 2008
SOALAN : 25

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian boleh membina sebuah kampus cawangan Universiti Teknologi MARA di Rembau, khas bagi anak-anak golongan berpendapatan rendah dan miskin yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan memang bercadang untuk membina sebuah kampus cawangan Universiti Teknologi MARA di Rembau. Pembinaan kampus yang dapat memuatkan kira-kira 5,000 pelajar ini dijangka masuk tapak pada 1 Jun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 26 : PR-1213-L16217
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN
JAFFAR (TUMPAT)

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008
SOALAN : YB Dato' Kamarudin bin Jaffar
(Tumpat) minta **MENTERI LUAR
NEGERI** menyatakan bilakah
Kerajaan akan mengiktiraf Kerajaan
dan negara Kosovo.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan berkenaan pengiktirafan Malaysia ke atas Kosovo. Untuk makluman, Parlimen Kosovo telah mengisytiharkan kemerdekaan negara tersebut pada 17 Februari 2008.

2. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pengiktirafannya terhadap kemerdekaan Kosovo sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat pada 31 Oktober 2008. Pengiktirafan Malaysia ini akan dapat membantu memenuhi aspirasi rakyat Kosovo menikmati sebuah negara yang merdeka. Malaysia akan mewujudkan hubungan diplomatik dengan Kosovo pada satu masa yang sesuai nanti.

3. Sehingga kini, sebanyak 52 buah negara termasuk Malaysia telah mengiktiraf Kosovo. Lapan daripada negara-negara tersebut adalah anggota negara OIC.

Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)
TARIKH : 27.11.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk memberi status yang sama rata kepada Bahasa Inggeris seperti mana Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti dalam negara supaya beriringan dengan globalisasi. Jika tidak, berikan alasan-alasannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bahasa Malaysia masih kekal sebagai landasan yang kukuh dalam kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (1957) dan Akta Bahasa Kebangsaan (1967). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Malaysia juga masih menjadi bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perkara ini jelas dalam kurikulum Bahasa Malaysia yang matlamatnya ialah melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian.

Walaupun pengajaran Sains dan Matematik dilaksanakan dalam dalam bahasa Inggeris, *contact hour* antara murid dengan bahasa Malaysia masih lebih besar

berbanding dengan bahasa Inggeris. Ini termasuk waktu kokurikulum yang mana masih dilaksanakan dalam bahasa Malaysia.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan mata muridan wajib di semua institusi pendidikan termasuk institusi pendidikan tinggi swasta juga telah dinyatakan secara khusus dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' DR. TEKHEE@TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)

TARIKH : 28 OGOS 2008 (KHAMIS)

SOALAN : Y. B. DATO' DR. TEKHEE@TIKI ANAK LAFE (MAS GADING) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

Sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan dasar baru untuk mewajibkan agensi perladangan dan pertanian milik kerajaan dan swasta menggunakan sebahagian dari tanah milik untuk mengeluarkan bahan makanan bagi kegunaan dalam negara sebagai satu langkah mengurangkan impak harga bahan makanan di pasaran dunia yang kian meningkat.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan agensi perladangan dan pertanian milik Kerajaan dan swasta untuk menggunakan sebahagian tanah milik mereka untuk pengeluaran bahan makanan.

Perundingan dengan agensi perladangan dan pertanian milik Kerajaan dan swasta juga diadakan untuk menggalakkan mereka terlibat dalam pengeluaran makanan seperti projek ternakan integrasi di ladang kelapa sawit.

Rundingan dari semasa dengan pihak swasta juga diadakan untuk menggunakan tanah-tanah milik Jabatan/Agensi bagi pelaksanaan projek-projek pengeluaran makanan.

Sebagai contoh, FELDA ada melaksanakan projek ternakan lembu Fidlot dan projek pembiakan baka di kawasan seluas 162 hektar melalui Projek Integrasi Ternakan FELDA Chuping. Projek ini bertujuan untuk memenuhi permintaan bekalan baka dan feeder lembu menggunakan kaedah semulajadi dan perikanan beradab. Melalui projek integrasi ini juga ternakan kambing Boer juga dilaksanakan.

Selain itu, ternakan ayam juga dilaksanakan secara kaedah vendor atau contract farming iaitu kerjasama dengan syarikat pengeluar ayam dan pengusaha dirancangan.

Peneroka FELDA juga memanfaatkan tanah kosong di rancangan FELDA melalui Program Keceriaan Kampung dengan penanaman buah naga, herba dan vanilla.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh

TARIKH: 27 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) pernahkah pihak Menteri melawat tapak-tapak pembinaan dan ladang-ladang sederhana dan kecil di negara ini untuk tujuan meninjau keadaan kerja khususnya tempat penginapan (kongsi) mereka; dan
- (b) jika pernah, apakah Menteri dan Kementerian berpuas hati dengan keadaan yang ada, seterusnya yakin bahawa suasana ini boleh menarik balik dan memotivasikan rakyat tempatan bekerja di tapak-tapak kerja seperti yang ada.

PR-1213-L15482

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Y.B. Menteri Sumber Manusia sangat prihatin berkenaan kebajikan para pekerja. Oleh yang demikian, Y.B. Menteri telah melakukan beberapa siri lawatan untuk melihat sendiri keadaan sebenar yang berlaku di ladang-ladang khususnya berkenaan dengan kebajikan para pekerjanya contohnya mengadakan lawatan ke Ladang Sungei Senarut, Johor dan Ladang Jenderata, Perak. Menerusi lawatan ini, pihak Y.B. Menteri telah meninjau berkenaan dengan kemudahan asas dan kebajikan pekerja-pekerja ladang khususnya dari segi tempat kediaman, bekalan air dan

elektrik, Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) dan dewan komuniti. Susulan daripada lawatan tersebut, YB. Menteri telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak pemilik ladang dan syarikat perladangan untuk memastikan bahawa segala masalah yang wujud dapat diselesaikan.

B) Daripada lawatan yang telah dilakukan oleh YB. Menteri, beliau menyuarakan rasa kurang puashati berkenaan dengan kemudahan-kemudahan asas dan kebajikan pekerja ladang. Banyak kekurangan yang dilihat masih wujud khususnya berkenaan dengan soal penggajian pekerja, isu bekalan air dan elektrik, Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) dan lain-lain. Oleh itu, langkah-langkah proaktif telah dilakukan untuk memastikan bahawa kebajikan pekerja ladang diberi perhatian.

Tuan Yang Di-Pertua

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja di sektor pembinaan dan pertanian di seluruh negara.

Pada tahun 2007, sebanyak 586 tapak binaan telah dibuat pemeriksaan dan audit di seluruh negara. Hasil daripada penilaian yang telah dibuat didapati bahawa 85 peratus daripada tapak binaan tersebut mencapai tahap B dan C, dan hanya 6 peratus mencapai tahap A. Pada tahun yang sama, sebanyak 284 ladang telah diperiksa dan dibuat audit tempat kerja. Daripada jumlah tersebut, 66 peratus mencapai tahap yang memuaskan.

Selain daripada itu, KSM melalui JKKP menjalankan aktiviti proaktif untuk memotivasi rakyat tempatan bekerja di sektor pembinaan dengan mengadakan seminar, kursus dan pameran bagi meningkatkan tahap kesedaran kepada majikan dan pekerja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT KEDUA BELAS MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
TARIKH : 27 November 2008

SOALAN: Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

Keadaan terkini mengenai larangan kemasukan produk hasil lautan oleh EU.
Nyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk membantu pengusaha-
pengusaha supaya dapat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh EU.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah membentangkan kertas kabinet untuk menyelesaikan dan melaksanakan pematuhan piawaian import yang telah ditetapkan oleh pihak EU.

Secara dasarnya pihak kabinet telah meluluskan permohonan:

- i. Penyediaan pinjaman modal bagi mengurangkan impak kerugian yang hadapi oleh industri.

- ii. Pengisian 84 jawatan sedi ada dan tambahan 1282 jawatan baru untuk CA melaksanakan tugas-tugas dan pemantauan pematuhan piawaian eksport ke EU.
- iii. Penambahan peruntukan kepada CA untuk menyediakan infra dan khidmat sokongan yang diperlukan.

Kementerian Kewangan juga telah memohon penanguhan untuk kunjungan audit kali ke dua daripada EU yang dijadualkan pada 14-23 Oktober 2008 bagi memastikan semua peraturan yang ditetapkan telah benar benar dilaksanakan dan dapat dipatuhi oleh CA dan pihak industri.

Sementara itu, kerajaan terus membantu nelayan dan golongan peniaga terlibat dengan menyediakan pinjaman mudah bagi membantu pengusaha-pengusaha meningkatkan kemudahan perkilangan mereka bagi mencapai standard peraturan pengeksportan antarabangsa khususnya ke EU. Bagi memenuhi piawaian tersebut, Jabatan Perikanan telah mengadakan taklimat khusus berkaitan dengan peraturan-peraturan eksport produk perikanan ke EU kepada pengusaha, nelayan, penternak dan pemproses.

Di samping itu, taklimat dan perbincangan dengan pihak pengusaha melalui Majlis Perundingan Industri (MPI) diadakan bagi membincangkan perkara-perkara semasa berkaitan industri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.11.2008

Tuan Raime bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) membantu golongan Bumiputera khususnya dari Sabah dalam bidang pekerjaan mengikut bidang, vendor dan projek pembangunan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang beroperasi di negeri Sabah secara langsung telah memberi manfaat kepada seluruh penduduk negeri Sabah, tidak kira golongan Bumiputera mahupun bukan Bumiputera, melalui penyediaan peluang pekerjaan serta peluang kepada vendor tempatan yang berkelayakan untuk menyertai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di negeri berkenaan.

2. Antara syarikat GLC utama milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) yang menjalankan operasi di negeri Sabah adalah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM). Manfaat yang telah diperolehi oleh penduduk Sabah termasuk golongan Bumiputera daripada operasi syarikat-syarikat GLC ini adalah seperti berikut:

Bidang	MAHB	TNB	TM
Pekerjaan	Seramai 704 daripada 828 orang pekerja di MA Niaga Sdn Bhd, anak syarikat MAHB, merupakan golongan Bumiputera.	Sehingga Oktober 2008, seramai 2,166 daripada 2,287 orang pekerja merupakan golongan Bumiputera.	Sehingga 30 September 2008, seramai 793 daripada 1,036 orang pekerja merupakan golongan Bumiputera.
Perolehan	Dalam tahun 2007, seramai 128 vendor dan kontraktor Bumiputera telah menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan bernilai RM10.8 juta.	Dalam tahun kewangan 2008, seramai 126 vendor/kontraktor Bumiputera ditawarkan kontrak bernilai RM158 juta.	Sehingga 30 Oktober 2008, terdapat 83 vendor termasuk Bumiputera menerima tawaran kontrak bernilai RM42.1 juta.
Pembangunan	Sejumlah RM11.3 juta dan RM5.0 juta telah dibelanjakan masing-masing pada tahun 2007 dan 2008 untuk pembangunan lapangan terbang yang menyumbang kepada pembangunan aktiviti masyarakat setempat di mana seramai 6.3 juta penumpang menggunakan khidmat pengangkutan udara di Sabah pada tahun 2007.	Sejumlah RM258.6 juta telah dibelanjakan sepanjang tahun kewangan 2008 agar lebih ramai rakyat negeri Sabah mendapat bekalan elektrik.	Sejumlah RM69.6 juta telah dibelanjakan pada tahun 2007 bagi meningkatkan kemampuan rangkaian telekomunikasi di negeri Sabah.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH [KOTA BHARU]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
meminta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**
menyatakan :-

- (a) bilangan tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan yang telah dipajak dan dirizabkan kepada badan-badan kebajikan dan NGO serta berapakah kadar pajakan yang dikenakan kepada badan-badan kebajikan dan NGO ; dan
- (b) adakah kadar ini sama dengan kadar yang dikenakan kepada badan-badan komersial yang ingin memohon pajakan tanah milik Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak lapan (8) badan kebajikan/NGO telah diberi pajakan tanah melibatkan jumlah keluasan 17.194 ekar dengan dikenakan kadar pajakan yang nominal di antara RM 1,000 hingga RM 10,000 setahun.

- b. Berhubung kadar pajakan yang dikenakan kepada badan komersial, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar ini adalah mengikut harga pasaran yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y. B. Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]
TARIKH : 27 November 2008 (Khamisi)
SOALAN : Y. B. Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan : Kenapakah prestasi pegawai-pegawai pertanian sangat rendah dalam bidang ilmu, kemahiran dan teknologi pertanian.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih di atas teguran Y.B. tentang prestasi pegawai-pegawai pertanian yang rendah dalam bidang ilmu, kemahiran dan teknologi pertanian serta dalam memberi perkhidmatan kepada golongan sasaran. Namun demikian Kementerian sedang mengambil langkah-langkah bagi memperkemas dan memperkukuhkan sistem penyampaian terutamanya dalam memberi khidmat nasihat kepada golongan sasaran. Langkah-langkah diambil meliputi :-

- i. Memperkemaskan perkhidmatan pengembangan supaya dapat memberi impak kepada golongan sasaran.
- ii. Mempertingkatkan kompetensi Pegawai-Pegawai termasuk dari segi teknikal, keupayaan meningkatkan motivasi dan bekerja dengan masyarakat.
- iii. Menjalankan latihan berterusan secara *hands-on* kepada Pegawai-Pegawai.
- iv. Penyusunan semula organisasi di peringkat Jabatan Persekutuan dan Negeri dengan memperkukuhkan sistem sedia ada termasuk cadangan tambahan bilangan Pegawai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Y.B TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah tindakan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengemukakan pelbagai tuduhan secara terbuka terhadapnya termasuk suka berbohong dengan menuduh Perdana Menteri "suka berbohong" (*developed a habit of lying*) selepas bersahabat dengan pemimpin-pemimpin Britain, Amerika Syarikat dan Australia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

YAB Perdana Menteri tidak berniat untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap Y.A.Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad. Malah, YAB Perdana Menteri menghargai komen dan kritikan yang membina. Jika ada perkara-perkara yang melampaui batas, YAB Perdana Menteri menyerahkannya kepada kebijaksanaan rakyat jelata untuk menilainya.

'AB Perdana Menteri sentiasa tabah menghadapi tuduhan dan tomahan daripada sesiapa pun. YAB Perdana Menteri sentiasa berpegang teguh kepada kebenaran, terus ersabar dan tidak takut dengan sesiapa pun melainkan Allah S.W. T.